



# PERANAN WARGA TERHADAP RANTAIAN COVID-19



## Apa yang perlu anda lakukan?

- Anda **TIDAK DIBENARKAN** kembali bertugas / hadir Pengajaran dan Pembelajaran Secara Bersemuka
- Kemaskini status anda di MySejahtera dan SaringC19 UiTM
- Patuhi tempoh\* dan tempat kuarantin seperti yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia
- Anda hanya dibenarkan kembali bertugas setelah diberi pelepasan kuarantin oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia

## Sekiranya anda kategori A1 dan A2A

- Jalani kuarantin sendiri di rumah
- Jika tahap kesihatan bertambah teruk, jalani penilaian kesihatan di CAC berhampiran.

A1	Tidak bergejala
A2A	Bergejala ringan tanpa pneumonia
A2B	Bergejala berat tanpa pneumonia
A3	Bergejala dengan pneumonia
A4	Bergejala dengan pneumonia & memerlukan bantuan oksigen
A5	Kritikal dengan kegagalan pelbagai organ

## Sekiranya anda kategori A2B

- Jalani penilaian kesihatan di CAC berhampiran.
- Jika anda mengalami gejala serius seperti **demam berterusan, sukar bernafas, sakit dada dan kelesuan**, dapatkan rawatan di hospital berhampiran dengan segera

## Sekiranya anda kategori A3, A4 dan A5 Jalani rawatan di hospital



## Apa yang perlu anda lakukan?

- Anda **TIDAK DIBENARKAN** kembali bertugas / hadir Pengajaran dan Pembelajaran Secara Bersemuka
- Kemaskini status anda di MySejahtera dan SaringC19 UiTM
- Jalani kuarantin sendiri mengikut tempoh\* yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia
- Jika bergejala, laksanakan Penilaian Kendiri COVID-19: TRIIS\*\*

## Sekiranya Ujian COVID-19 ialah Positif

- Anda ialah **Kategori A**
- Sila rujuk **Kategori A**

## Sekiranya Ujian COVID-19 ialah Negatif

- Anda perlu menjalani kuarantin sendiri mengikut tempoh\* yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia

### Definisi KONTAK RAPAT ialah :

- Bersentuhan (kontak fizikal) dengan pesakit COVID-19
- Bersemuka dengan pesakit COVID-19 dalam jarak kurang daripada 1 meter
- Tidak bersemuka tetapi berada di dalam bilik bertutup / ruang berhawa dingin yang sama selama lebih dari 2 jam dengan kes positif
- Ahli keluarga / rakan yang tinggal serumah dengan kes positif
- Individu yang berada dalam kenderaan yang sama dan duduk berdekatan (kurang 1 meter) dengan pesakit COVID-19 sepanjang perjalanan
- Anggota kesihatan yang memberi perawatan kepada pesakit COVID-19 tanpa memakai PPE lengkap



## Apa yang perlu anda lakukan?

- Anda boleh hadir bertugas / hadir Pengajaran dan Pembelajaran Secara Bersemuka dengan mematuhi SOP yang ditetapkan
- Bagaimanapun, kehadiran anda adalah tertakluk kepada arahan ketua PTJ

Jika bergejala, laksanakan Penilaian Kendiri COVID-19: TRIIS\*\*



## Apa yang perlu anda lakukan?

- Sila patuhi segala arahan yang dikeluarkan pihak kerajaan dari semasa ke semasa

## Sekiranya anda anggota barisan hadapan (frontliners) / staf perkhidmatan penting

- Anda boleh hadir bertugas dengan mematuhi SOP yang ditetapkan
- Bagaimanapun, kehadiran anda untuk bertugas adalah tertakluk kepada arahan ketua PTJ



atau



**BERGEJALA**

## Apa yang perlu anda lakukan?

- Anda **TIDAK DIBENARKAN** hadir bertugas / hadir Pengajaran dan Pembelajaran Secara Bersemuka
- Anda perlu melaksanakan Penilaian Kendiri COVID-19: TRIIS\*\*
- Patuhi cuti sakit yang diberikan (jika ada) dan maklumkan kepada Ketua PTJ / pihak fakulti
- Sekiranya anda masih bergejala setelah tamat cuti sakit, dapatkan rawatan susulan di fasiliti kesihatan berhampiran



atau



**TIDAK BERGEJALA**

## Apa yang perlu anda lakukan?

- Tiada halangan untuk anda kembali bertugas / hadir Pengajaran dan Pembelajaran Secara Bersemuka.
- Amalkan 3W iaitu memastikan penjarakan fizikal lebih 1 meter, memakai pelitup muka, kerap membasuh tangan dan mengamalkan etika batuk yang baik.
- Elakkan 3S iaitu tempat sesak, tempat sempit / tertutup dan sembang dekat.